

# DASAR PERUBAHAN IKLIM

NEGERI SELANGOR

RINGKASAN EKSEKUTIF



## RINGKASAN EKSEKUTIF

# DASAR PERUBAHAN IKLIM SELANGOR

Dasar Perubahan Iklim Selangor adalah dokumen komprehensif yang menggariskan pendekatan Negeri Selangor dalam berhadapan dengan kesan perubahan iklim yang turut menjadi cabaran global di pelbagai sektor dan peringkat. Dasar ini menyediakan panduan dalam usaha untuk mengimbangi pembangunan ekonomi dan pemeliharaan alam sekitar serta menyokong peralihan tenaga yang adil dan inklusif untuk semua sektor masyarakat.

Kesan perubahan iklim seperti peningkatan taburan hujan dan risiko banjir, kenaikan paras laut dan hakisan pantai, tekanan sumber air, dan impak ke atas pertanian dan akuakultur adalah antara cabaran yang dihadapi oleh Malaysia, termasuklah Negeri Selangor.

Negeri Selangor yang diiktiraf sebagai negeri paling maju di Malaysia dan penyumbang ekonomi utama negara komitmen Kerajaan Negeri dalam usaha untuk meningkatkan daya tahan terhadap kesan iklim melalui perancangan strategik dan pelaksanaan tindakan adaptasi dan mitigasi dapat diterjemahkan melalui perincian yang digariskan dalam Dasar ini. Selain daripada itu, Dasar ini juga akan memberi tumpuan kepada inisiatif peralihan tenaga di Negeri Selangor dan usaha mengurangkan intensiti pelepasan karbon dalam menyediakan Negeri Selangor ke arah pembangunan mampan, di samping menjaga kesejahteraan rakyat Negeri Selangor.

# LATAR BELAKANG

Selangor telah menubuhkan Majlis Tindakan Perubahan Iklim Negeri Selangor (IKLIMSELANGOR) yang berfungsi sebagai sebuah jawatankuasa untuk meneliti dan menasihati strategi perubahan iklim, menyepadukan pandangan daripada pelbagai pihak berkepentingan termasuk agensi kerajaan, NGO, dan sektor swasta.

Sebagai sebahagian daripada komitmennya, Selangor menyasarkan untuk mencapai pengurangan sebanyak 35% gas rumah hijau (GHG) berdasarkan KDNK (Keluaran Dalam Negara Kasar) menjelang 2025, sejajar dengan matlamat negara Malaysia.

Selangor mengambil pendekatan menyeluruh untuk melaksanakan pelan tindakan perubahan iklim. Ini termasuk:

## MITIGASI PERUBAHAN IKLIM

Mitigasi melibatkan pelbagai langkah untuk mengurangkan pelepasan gas rumah hijau (GHG) yang merupakan salah satu punca pemanasan global serta memperkayakan pengumpulan karbon untuk mengurangkan impak perubahan iklim.


## ADAPTASI PERUBAHAN IKLIM

Adaptasi merangkumi pelbagai tindakan yang membantu komuniti dan ekosistem bagi menghadapi kesan perubahan iklim yang dijangka akan berlaku.

## PENGURANGAN RISIKO BENCANA

Pengurangan risiko bencana (DRR) bertujuan mencegah bencana daripada berlaku dan mengurangkan kesan daripada bencana sedia ada serta menguruskan risiko bencana yang masih berlaku, yang kesemuanya menyumbang kepada pengukuhan daya tahan dan seterusnya kepada pencapaian pembangunan mampan.

**Rajah 1:** Pendekatan pengurusan risiko bencana (DRR) yang merangkumi komponen pencegahan, mitigasi, kesiapsiagaan, tindak balas dan pemulihan berupaya meningkatkan keberkesanan pengurusan risiko bencana iklim di peringkat pusat, negeri, daerah dan termasuk pihak berkuasa tempatan. Dalam pendekatan tersebut, pengurangan pelepasan gas GHG merupakan tindakan pencegahan.





## OBJEKTIF

Berikut adalah Objektif utama Dasar Perubahan Iklim Selangor:

### MENGARUSPERDANAKAN TINDAKAN PERUBAHAN IKLIM

Mengintegrasikan tindak balas perubahan iklim dengan dasar dan strategi kerajaan sedia ada untuk memastikan pengurusan dan pemeliharaan sumber asli yang mampan

### MENGINTEGRASIKAN MITIGASI DAN ADAPTASI

Memperkukuh daya tahan terhadap impak perubahan iklim semasa dan masa depan dengan memasukkan langkah mitigasi dan adaptasi ke dalam dasar, pelan dan program merentas pelbagai sektor

### MEMPERKUKUH KAPASITI INSTITUSI

Meningkatkan keupayaan institusi di semua peringkat untuk menangani perubahan iklim secara berkesan dan memanfaatkan peluang baharu untuk pembangunan berdaya tahan iklim



Dasar Perubahan Iklim Selangor dibuat atas **Lima** prinsip. Berikut adalah prinsip-prinsip tersebut:

**1**

**Pembangunan Secara Lestari:**

Pelaksanaan tindakan perubahan iklim ke dalam pelan rancangan negeri bagi memenuhi aspirasi ke arah mencapai pembangunan lestari.

**2**

**Pemuliharaan Alam Sekitar dan Sumber Asli:**

Memperkuhkan pelaksanaan pelbagai tindakan perubahan iklim yang menyumbang kepada pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar serta penggunaan sumber asli secara lestari.

**3**

**Pelaksanaan Secara Bersepadu:**

Mengambil kira tindakan mitigasi, adaptasi dan pengurangan risiko bencana iklim ke dalam pelaksanaan program pembangunan di semua peringkat.

**4**

**Penglibatan Yang Berkesan:**

Meningkatkan penglibatan pihak-pihak berkepentingan dan kumpulan utama bagi pelaksanaan pelbagai tindakan bagi menangani perubahan iklim secara berkesan.

**5**

**Pemantauan dan Penilaian Yang Menyeluruh:**

Memantau dan menilai setiap tindakan perubahan iklim bagi memastikan pelaksanaan secara berkesan agar sasaran yang ditetapkan tercapai.


## TERAS STRATEGIK

Teras Strategik Dasar Perubahan Iklim Selangor merangkumi sembilan (9) sektor dan lima (5) pemacu, iaitu perancangan guna tanah, ekonomi dan kewangan, sains, teknologi dan inovasi, pembinaan kapasiti, serta keterlibatan.

## PELAN TINDAKAN

Dasar ini menggariskan pelan tindakan terperinci meliputi sepuluh bidang strategik termasuk Tenaga, Sisa, Air, Kesihatan dan Biodiversiti, dengan inisiatif khusus yang direka untuk mengurangkan pelepasan karbon, menambah baik pengurusan sisa, memaksimumkan sumber air dan menyokong amalan pertanian yang mampan.

Sepuluh Teras Strategik yang mendukung Dasar Perubahan Iklim Negeri Selangor adalah seperti berikut:



### Sektor Tenaga:

Pelan ini menekankan penambahbaikan kecekapan tenaga, peningkatan penggunaan sumber tenaga boleh diperbaharui, dan pelaburan dalam teknologi penyimpanan tenaga.



### Sektor Industri:

Tindakan utama termasuk mewujudkan sistem inventori GHG, mempromosikan prinsip ekonomi kitaran, dan membangunkan pelan adaptasi dan pengurusan risiko untuk industri yang terdedah kepada iklim.




### Sektor Sisa:

Pelan ini memberi tumpuan kepada penambahbaikan amalan pengurusan sisa, meningkatkan kadar kitar semula, dan beralih kepada kaedah pelupusan sisa yang moden dan mampan.



### Penempatan, Pengangkutan dan Infrastruktur:

Dasar ini menggalakkan pembangunan bangunan rendah karbon dan berdaya tahan iklim, menggalakkan penggunaan pengangkutan awam dan kenderaan elektrik, dan mengukuhkan daya tahan infrastruktur terhadap bahaya iklim.



### **Pertanian dan Keterjaminan Makanan:**

Pelan ini bertujuan untuk meningkatkan penghasilan makanan dan hasil laut, pemodenan sektor pertanian, dan mempergiatkan pembangunan produk industri hiliran berasaskan pertanian.



### **Sektor Air:**

Pelan ini bertujuan untuk mendapatkan sumber air yang mencukupi, melaksanakan strategi pengurusan lembangan sungai dan pantai bersepadu, dan mempromosikan usaha pemuliharaan air.



### **Sektor Perhutanan dan Biodiversiti:**

Dasar ini menekankan pemuliharaan litupan hutan dan biodiversiti, mengukuhkan pengurusan kawasan perlindungan, dan menggalakkan kesedaran tentang peranan hutan dalam mitigasi perubahan iklim dan pengurangan risiko bencana.



### **Pinggiran Laut:**

Pelan ini memberi tumpuan kepada mengenal pasti kawasan pantai yang terdedah, melaksanakan langkah adaptasi, dan menggalakkan amalan pembangunan mampan untuk mengurangkan risiko perubahan iklim.



### **Sektor Kesihatan, Keselamatan dan Kesejahteraan:**

Tindakan termasuk menambah baik kualiti udara, memelihara warisan sejarah dan semula jadi, mengukuhkan pelan pengurangan risiko bencana, dan meningkatkan sistem amaran awal untuk bahaya iklim.





### **Tadbir Urus Rentas Sektor:**

Sektor ini menekankan pembangunan Pelan Tindakan Perubahan Iklim Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), mendapatkan pelaburan antarabangsa dalam teknologi mitigasi dan adaptasi iklim, mengukuhkan daftar risiko bencana negeri, dan mempromosikan rangkaian kerjasama untuk pembinaan kapasiti dan penglibatan pihak berkepentingan.

PBT di Selangor memainkan peranan penting dalam menggariskan komitmen untuk mengubah kawasan bandar di negeri tersebut menjadi model pembangunan mampan dan rendah karbon.

Tanggungjawab PBT termasuk membangun dan melaksanakan strategi peringkat tempatan untuk mengurangkan pelepasan GHG merentasi pelbagai sektor.

Mereka juga harus mempromosikan amalan pembangunan dan pentadbiran mampan dalam bidang kuasa mereka, serta memupuk penglibatan komuniti dan inisiatif peningkatan kesedaran untuk menyokong peralihan ke arah masa depan rendah karbon.

Dasar ini menekankan keperluan pendekatan kolaboratif, melibatkan agensi kerajaan, sektor swasta dan komuniti, untuk merealisasikan wawasan yang bercita-cita tinggi ini.



## PENDEKATAN PELAKSANAAN

Pelaksanaan dasar ini merangkumi tiga fasa: kempen kesedaran dan pembinaan kapasiti, pembangunan pelan tindakan bersepadu di peringkat kerajaan tempatan, dan penubuhan struktur institusi.

### FASA 1 SEHINGGA 2025

Fasa Pertama akan berlangsung sehingga tahun 2025, di mana penerangan akan diberi untuk kefahaman dan meningkatkan kapasiti semua jabatan dan agensi pada tahap negeri dan PBT, serta pihak berkepentingan yang lain termasuk badan bukan kerajaan, swasta dan masyarakat setempat.

Antara pendekatan yang akan diambil pada fasa ini adalah melalui perbincangan berfokus, seminar, pembentangan, ceramah, hebahan media massa akhbar dan elektronik, antara lain.

Selain itu, kempen kesedaran juga akan diperbanyakkan untuk mendidik kumpulan sasar di peringkat akar umbi termasuk pemimpin masyarakat dan pelajar sekolah ke arah pengalaman teknologi hijau, pemuliharaan alam sekitar dan biodiversiti, serta pengurusan risiko bencana dalam kehidupan seharian.

### FASA 2 SEHINGGA 2030

Fasa Kedua pula dijadualkan berlangsung sehingga tahun 2030, di mana semakan semula akan dilakukan terhadap sasaran dan pelan tindakan bersepadu PBT, serta melibatkan penyelarasan pihak bersekutu dan negeri, pemurnian sistem pelaporan berasaskan sasaran dan indikator, mobilisasi sektor swasta dan pihak berkepentingan lain.

Di peringkat fasa ini, setiap PBT perlu menyediakan pelan tindakan bersepadu berasaskan kepada rancangan tempatan dan bahaya iklim yang dijangka pada kawasan tersebut.



### FASA 3 SELEPAS 2030

Manakala, Fasa Ketiga selepas tahun 2030 pula melibatkan penetapan belanjawan hijau negeri secara menyeluruh, perancangan negeri berasaskan risiko dan perancangan adaptasi dengan penglibatan masyarakat serta pihak berkepentingan lain.

Fasa ini akan melibatkan PBT memberi perhatian khusus kepada aspek tadbir urus inklusif, kewangan sains, teknologi dan inovasi serta pembangunan kapasiti dan penglibatan pihak berkepentingan.

Fasa ketiga juga akan merangkumi penyediaan insentif kepada pihak yang berjaya melaksanakan projek inovatif yang menyatupadukan tindakan mitigasi, adaptasi dan pengurangan risiko bencana, serta pendanaan antarabangsa.

Oleh yang demikian, langkah pertama bagi tindakan penyelarasan, pemantauan dan pelaporan di peringkat negeri adalah penubuhan Pusat Adaptasi Perubahan Iklim Negeri Selangor.

Pusat ini tersebut akan menggerakkan usaha untuk membangunkan Pelan Tindakan Perubahan Iklim PBT secara bersepadu dengan memberi tumpuan kepada kerjasama industri, komersial, institusi dan pihak berkepentingan lain bagi menjayakan pelaksanaan Dasar Perubahan Iklim Negeri.

Perancangan bajet perlu diselaraskan dengan Rancangan Selangor Pertama untuk pelaksanaan Dasar Perubahan Iklim Negeri. “*Smart Selangor Operation Centre*” (SSOC) yang boleh dimanfaatkan oleh Pusat ini tersebut untuk bertindak sebagai pusat sehati kerajaan negeri bagi agensi, pihak swasta dan pihak berkepentingan lain.



## PENYELARASAN DAN PELAPORAN

Penyelarasan yang rapi di peringkat negeri adalah penting bagi memastikan pelaksanaan Dasar Perubahan Iklim Selangor secara berkesan.

Dalam pada Kerajaan Negeri Selangor melaksanakan plan tindakan yang digariskan dalam Dasar ini, sebagai amalan tadbir urus yang baik, PBT perlu menguruskan pengumpulan maklumat bagi mencapai sasaran yang digariskan dan melaporkannya kepada Kerajaan Negeri Selangor supaya pelaporan pencapaian dapat disediakan dan diterbitkan untuk edaran umum pada setiap tahun.

Selain itu, pelaporan kelestarian seperti laporan *Environmental, Social and Governance (ESG)* daripada sektor swasta untuk menarik pelaburan asing juga akan diberi tumpuan.

Dasar Perubahan Iklim Negeri Selangor disasarkan dapat membantu agensi kerajaan negeri dan PBT mencapai pembangunan berdaya tahan iklim bagi memenuhi aspirasi Selangor sebagai negeri pintar, makmur dan berdayahuni, serta mencapai matlamatnya menjadi Bandar Sifar Karbon menjelang tahun 2050 selain daripada selari dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 2030 negara.

Kesimpulannya, Dasar Perubahan Iklim Selangor adalah langkah proaktif yang bertujuan untuk menjaga kelestarian alam sekitar dan meningkatkan daya tahan negeri terhadap kesan iklim, dan seterusnya menjadi penujukan oleh negeri lain di Malaysia.